

# HUBUNGAN EFIKASI KENDIRI, BEBAN TUGAS DAN MASALAH KESIHATAN MENTAL DALAM KALANGAN GURU DI KOLEJ VOKASIONAL

EEE CHINGE TIEN @ YII CHAI TIN

Tesis ini dikemukakan sebagai  
memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**JANUARI 2022**

## PENGHARGAAN

Salam sejahtera, dengan izin dan berkatnya Tuhan dapat saya menyempurnakan penyelidikan ini dengan jayanya.

Dalam ruangan ini saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya, Dr Hashima binti Hamid, diatas segala bimbingan, tunjuk ajar, dorongan serta teguran sepanjang tempoh untuk menyiapkan kajian ini. Tanpa beliau tidak mungkin kajian ini terlaksana.

Jutaan terima kasih kepada Tuan/Puan Pengarah kolej vokasional yang terlibat kerana membenarkan kajian ini dijalankan. Terima kasih juga kepada guru guru yang telah memberi kerjasama dan bantuan dalam proses menjalankan kajian.

Penghargaan juga ditujukan kepada panel pensyarah FPTV yang telah bermurah hati untuk berkongsi ilmu. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan. Bantuan dan pertolongan yang ikhlas dari kalian amat dihargai.

Akhir sekali, saya melimpahkan kesyukuran kepada ahli keluarga yang sentiasa memberi galakan serta sokongan demi menguatkan semangat saya untuk menempuhi hakikat kehidupan dan memilih untuk belajar pada usia ini. Semoga segala usaha dan keringat yang diberikan diingatkan dan direstui. "Sesungguhnya kalian semua adalah pencetus, pendorong dan pemangkin kejayaan kajian ini"

## ABSTRAK

Perubahan kepada sistem pengurusan dan penstrukturan semula kurikulum vokasional serta pengakreditasi kurikulum Kolej Vokasional (KV) daripada beberapa badan professional yang berbeza sedikit sebanyak menyebabkan beban tugas guru vokasional semakin tinggi dan mewujudkan pertambahan masalah kesihatan mental yang mengancam efikasi sendiri guru. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk menilai tahap beban tugas, efikasi sendiri dan masalah kesihatan mental dalam kalangan guru di KV dan seterusnya menilai hubungann antara konstruk tersebut. Persampelan kajian melibatkan 269 orang guru dari lapan buah KV di sekitar Johor. Reka bentuk kajian ini adalah secara kuantitatif berbentuk tinjauan dan korelasi dengan menggunakan instrumen soal selidik. Dapatan kajian telah menunjukkan efikasi sendiri guru dan masalah kesihatan mental guru berada pada tahap tinggi. Beban tugas keseluruhan juga di tahap tinggi tetapi dapatan bebanan bidang kurikulum di luar jangkaan penyelidik, iaitu berada di tahap sederhana. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang tidak kuat di antara efikasi sendiri dengan masalah kesihatan mental (nilai korelasi =0.45) dan juga beban tugas dengan masalah kesihatan mental (nilai korelasi=0.24). Dapatan ini membawa implikasi bahawa masa kini efikasi sendiri dan beban tugas bukanlah faktor penentu yang kuat untuk tahap masalah kesihatan guru vokasional. Maka, satu kerangka konsep kesihatan mental dicadangkan bagi memantapkan tahap efikasi sendiri guru untuk memikul beban tugas mengikut perubahan masa serta mampu menurunkan tahap masalah kesihatan mental guru KV. Diharap dengan dapatan ini dapat memberi idea kepada pihak yang berkepentingan dalam sistem Pendidikan Teknikal & Vokasional, supaya dapat memupuk kesihatan mental para guru mengikut kerangka konsep yang dibentuk untuk memperkasakan efikasi sendiri guru selari dengan kehendak organisasi dan negara.

## ABSTRACT

Changes to the management system and restructuring of vocational curriculum as well as accreditation of Vocational Colleges (KV) curriculum from several different professional bodies to some extent cause the workload of vocational teachers to increase and create an increase in mental health problems that threaten teachers' self-efficacy. Therefore, this study aims to assess the level of workload, self-efficacy and mental health problems among teachers in KV and further look at the relationship between these constructs. The sampling of the study involved 269 teachers from eight KVs around Johor. Researcher used questionnaire instrument to perform quantitative study design in the form of survey using correlation and descriptive analysis. Findings of the study have shown that teachers' self-efficacy and teachers' mental health problems are at a high level. The overall workload is also at a high level, but the curriculum area, workload is beyond expectation of researchers, is at a moderate level. The findings also shown that there is a weak relationship between self-efficacy with mental health problems (correlation value = 0.45) as well as workload with mental health problems (correlation value = 0.24). These findings implicate that currently self-efficacy level and workload are not strong determining factors for the level of health problems of vocational teachers. Thus, researcher developed a teacher mental health conceptual framework as a guideline proposal to strengthen the level of self-efficacy of teachers to bear the workload according to the waves of change of time and be able to reduce the level of mental health problems of KV teachers. It is hope that these findings can give ideas to all stakeholders in the Technical & Vocational Education system so that they can nurture teachers' mental health according to the conceptual framework designed to empower teachers' self-efficacy in line with organizational and national requirements.

## KANDUNGAN

	<b>DEKLARASI</b>	<b>ii</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iii</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>v</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>x</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xi</b>
	<b>SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN</b>	<b>xii</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xiii</b>
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Penyataan Masalah	5
	1.4 Tujuan Kajian	6
	1.5 Objektif Kajian	6
	1.6 Persoalan Kajian	6
	1.7 Hipotesis Kajian	7
	1.8 Skop Kajian	7
	1.9 Kerangka Konseptual Kajian	7
	1.10 Kepentingan Kajian	9
	1.10.1 Guru Kolej Vokasional	9
	1.10.2 Pihak Pengurusan Kolej Vokasional	9
	1.10.3 Kementerian Pendidikan Malaysia	10
	1.11 Definisi Istilah dan Operasional	10
	1.11.1 Efikasi Kendiri	10
	1.11.2 Beban Tugas	11

	1.11.3	Masalah Kesehatan Mental	12
	1.12	Rumusan Bab	12
<b>BAB 2</b>		<b>KAJIAN LITERATUR</b>	<b>13</b>
	2.1	Pendahuluan	13
	2.2	Efikasi Kendiri	13
	2.3	Aspek Yang Mempengaruhi Efikasi Kendiri	15
	2.3.1	Aspek Kognitif	15
	2.3.2	Aspek Motivasi	16
	2.3.3	Aspek Afektif	18
	2.3.4	Aspek Pemilihan	16
	2.4	Model Efikasi Kendiri Guru	18
	2.5	Faktor Efikasi Kendiri Guru	20
	2.6	Faktor Beban Tugas Guru	23
	2.7	Kesehatan Mental	28
	2.7.1	Masalah Kesehatan Mental: Tuntutan Prestasi Kerja	29
	2.7.2	Masalah Kesehatan Mental: Hubungan Dengan Iklim Kondusif	30
	2.8	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Masalah Kesehatan Mental Guru	31
	2.8.1	Faktor Karenah Pelajar	32
	2.8.2	Faktor Kekangan Masa Dan Sumber	33
	2.8.3	Faktor Hubungan Interpersonal	34
	2.8.4	Faktor Perubahan Dan Transformasi Sistem	35
	2.9	Rumusan	37
<b>BAB 3</b>		<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>38</b>
	3.1	Pengenalan	38
	3.2	Reka Bentuk Kajian	38
	3.3	Kerangka Operasi	39
	3.4	Pemilihan Lokasi Kajian	42
	3.5	Populasi Dan Persampelan Kajian	42

3.6	Instrumen Kajian	44
3.7	Kesahan Instrumen	45
3.8	Ujian Normaliti	46
3.9	Kajian Rintis	47
	3.9.1 Kebolehpercayaan Item Soal Selidik	48
3.10	Kaedah Analisis Data	49
3.11	Rumusan	52
<b>BAB 4</b>	<b>ANALISIS DATA KAJIAN</b>	<b>53</b>
4.1	Pengenalan	53
4.2	Analisis Keseluruhan Kajian	53
	4.2.1 Lokasi Kolej Vokasional	54
	4.2.2 Jantina	54
	4.2.3 Umur	54
	4.2.4 Tempoh Perkhidmatan	55
	4.2.5 Analisis Persoalan Pertama: Tahap efikasi sendiri Guru	56
	4.2.6 Analisis Persoalan Kedua: Tahap Beban Tugas Guru	58
	4.2.6.1 Bidang Kurikulum	58
	4.2.6.2 Hal Ehwal Murid	59
	4.2.6.3 Bidang Ko-kurikulum	60
	4.2.6.4 Rumusan Keseluruhan Tahap Beban Tugas Guru	61
4.3	Analisis Persoalan Kajian Ketiga: Tahap Masalah Kesihatan Mental	61
4.4	Analisis Hubungan antara Efikasi Kendiri, Beban Tugas dan Masalah Kesihatan Mental.	63
	4.4.1 Analisis Hubungan antara Efikasi Kendiri dan Masalah Kesihatan Mental	63
	4.4.2 Analisis hubungan antara Beban Tugas dan Masalah Kesihatan Mental	64

4.5	Analisis Persoalan Keenam: Pengujian dan Pengesahan Kerangka Kerangka konsep Kesihatan Mental	65
4.5.1	Semakan Nilai PTMEA CORR. Dalam Polariti Elemen	66
4.5.2	Pengesahan Unidimensi	66
4.6	Rumusan Bab	69
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	<b>71</b>
5.1	Pengenalan	71
5.2	Perbincangan Dapatan	71
5.2.1	Tahap Efikasi Kendiri Guru Kolej Vokasional	72
5.2.2	Tahap Beban Tugas Guru Kolej Vokasional	74
5.2.3	Tahap Masalah Kesihatan Mental Guru Kolej Vokasional	76
5.2.4	Mengenalpasti hubungan di antara Efikasi Kendiri dengan Masalah Kesihatan Mental Guru di Kolej Vokasional	79
5.2.5	Mengenal pasti hubungan di antara Beban Tugas dengan Masalah Kesihatan Guru di Kolej Vokasional	81
5.2.6	Kerangka Konsep Kesihatan Mental Guru	82
5.3	Kesimpulan	86
5.4	Cadangan	86
5.4.1	Cadangan Kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)	87
5.4.2	Cadangan Kepada Kolej Vokasional (KV)	87
5.4.3	Cadangan Kepada Guru Kolej Vokasional	88
5.4.4	Cadangan untuk Kajian Lanjutan	88
5.5	Penutup	89
	<b>RUJUKAN</b>	<b>91</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>112</b>



## SENARAI JADUAL

2.1	Huraian Ringkas Elemen Iklim Organisasi	23
3.1	Jumlah Populasi Dan Sampel Kajian	43
3.2	Pembahagian Item Soal Selidik	44
3.3	Skala Likert	45
3.4	Kesahan Item Soal Selidik	46
3.5	Ujian Normaliti	47
3.6	Interpretasi skor Alpha Cronbach	48
3.7	Keputusan nilai Alpha Cronbach	49
3.8	Kaedah Analisis Data	50
3.9	Pengkelasan Nilai Julat Min	51
3.10	Kekuatan Nilai Julat Pearson	51
4.1	Lokasi Kolej Vokasional	54
4.2	Jantina Responden	54
4.3	Umur	55
4.4	Tempoh Perkhidmatan	55
4.5	Interpretasi Skor Min	56
4.6	Tahap Efikasi Kendiri Guru Kolej vokasional	57
4.7	Tahap Benan Tugas Bidang Kurikulum	59
4.8	Tahap Beban Tugas Bidang HEM	60
4.9	Tahap Beban Tugas Bidang Kokurikulum	60
4.10	Tahap Masalah Kesihatan Mental	62
4.11	Hubungan antara Efikasi Kendiri dan MKM	63
4.12	Hubungan antara Beban Tugas dan MKM	64
4.13	Analisis Komponen Utama Efikasi Kendiri	66
4.14	Analisis Komponen Utama Beban Tugas	71

**SENARAI RAJAH**

1.1	Kerangka Konseptual Kajian	8
2.1	Model Efikasi Kendiri Guru	19
2.2	Lima inisiatif Pengurangan Beban Guru (KPM, 2019) .	26
2.3	Intervensi Mengurangkan Beban Guru (KPM, 2019)	27
3.1	Kerangka Operasi	41
4.1	Tahap Purata Beban Tugas Guru	61
4.2	Kerangka Elemen Konsep Kesihatan Mental Guru	69



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN

Corr	Correlation Coefficient
HEM	Hal Ehwal Murid
JPK	Jabatan Pelajaran Kemahiran
KSKV	Kurikulum Standard Kolej Vokasional
KPPK	Kesatuan Persekutuan Perguruann Kebangsaan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MBOT	<i>Malaysian Board of Technologists</i>
MKM	Masalah Kesihatan Mental
MQA	<i>Malaysian Qualification Agency</i>
NUTP	<i>National Union of Teaching Profession</i>
NOSS	<i>National Organization Standard Skill</i>
PTV	Pendidikan Teknikal dan Vokasional
PTMEA	Point Mesure
PPUM	Pakar Perundingan Kanan Psikiatri Universiti Malaya
PnP	Pengajaran dan Pembelajaran
PCA	<i>Principal Components Analysis</i>
PBS	Penilaian Berdasarkan Sekolah
SPSS	<i>Statistical Package of Social Science</i>
SMV	Sekolah Menengah Vokasional
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
Sig.	Signifikan
TVET	Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional
US	<i>United States</i>
UiTM	Universiti Teknologi Mara
WHO	<i>World Health Organization</i>

**SENARAI LAMPIRAN**

A	Carta Gant	112
B	Kreji Morgan	113
C	Borang Kaji Selidik	114
D	Kesahan Kaji Selidik	121
E	Kajian Rintis	123
F	Surat Kebenaran	124
G	Output PCA	132



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pendahuluan

Pendidikan memainkan peranan yang penting dalam membentuk kejayaan bagi sesebuah negara. Dalam menempuh perubahan dunia pendidikan yang berlaku zaman kini, guru perlu senantiasa bersedia untuk menghadapi pelbagai bentuk perubahan, cabaran isu dan permasalahan. Profesion keguruan dianggap sebagai profesion yang sangat tertekan (Newberry & Allsop, 2017). Pernyataan ini telah disokong oleh *American Institute of Stress* (2019) yang melaporkan bahawa profesion sebagai guru adalah profesion yang paling tertekan dengan pelbagai cabaran semasa sehingga membawa kepada risiko masalah kesihatan yang serius. Menurut Pakar Perundingan Kanan Psikiatri Hospital Universiti Malaya (PPPUM, 2013) “Setiap tahun dianggarkan 22,000 pesakit mendapat rawatan di klinik ward psikiatri hospital, kira kira 10% adalah golongan guru.” Berikutan dengan data ini, maka perkara ini telah membuka mata kepada para pengkaji untuk membuat penyelidikan lanjutan dan merungkai isu dan permasalahan yang berlaku kepada profesioan keguruan. Umpamanya, Azreen Harina, et al (2016) telah mengkaji impak tekanan beban tugas terhadap prestasi kerja. Manakala, Eka (2015) dan Siti et.al (2017) menyatakan bahawa tekanan prestasi pekerjaan guru sangat berisiko kepada masalah kesihatan mental. Kenyataan ini telah disokong oleh kajian Radhi, (2018) yang menyatakan bahawa 4.4% daripada 48258 orang guru yang dikaji melaporkan masalah kesihatan mental dengan tahap tekanan kerja yang sederhana. Sebaliknya ada kajian yang mendapati bahawa terdapat masalah psikiatri kemurungan dalam kalangan guru (Wenze & Battle, 2018; Hindman & Bustamante, 2019).

Menjelang abad ke- 21, selaras dengan permintaan tenaga kerja profesional dan peningkatan ekonomi yang semakin meningkat, pendidikan teknikal dan vokasional (PTV) telah diperkenalkan. (Mohd Yusof et al, 2020). Transformasi PTV yang dirancangan adalah untuk membentuk dan mempersiapkan pelajar mengenai kemahiran teknikal berpandukan permintaan industri (Janis, 2021). Bagi memenuhi tuntutan perubahan demi perubahan dalam kurikulum ini, guru vokasional agak terdedah kepada risiko mengalami masalah kesihatan mental. Ini selari dengan Kajian Kamin (2013) yang menyatakan tuntutan ini menyebabkan berlakunya peningkatan keupayaan terhadap kerja mereka terutamanya dalam bidang pengajaran kurikulum PTV yang sekaligus akan membawa guru PTV dalam situasi peningkatan masalah kesihatan mental kerana tidak semua guru mampu untuk berubah seiring dengan transformasi tersebut. Kajian ini telah disokong oleh kajian Loo & Choy, (2013) yang menyatakan guru PTV seluruh negara agak terkesan yang kemungkinan mengalami masalah kesihatan mental akibat tekanan beban tugas yang mendadak ini. Kenyataan ini juga selari dengan pandangan Makhbul & Khairuddin, (2014) yang mengatakan bahawa depresi, kegelisahan dan tekanan merupakan masalah kesihatan mental yang serius disebabkan oleh tekanan psikologi sering berlaku. Terdapat banyak kajian susulan yang telah dilakukan oleh pengkaji lepas tentang masalah dalam kalangan guru tetapi masih kurang yang mendalami kajian yang serupa untuk kalangan guru KV.

Dalam menempuhi perubahan transformasi ini, kalangan guru memerlukan satu semangat juang yang tinggi dengan nilai-nilai yang positif. Ini kerana kualiti pendidikan amat bergantung kepada tahap efikasi sendiri seorang guru (Rahman & Zambri Mahamod, 2017). Istilah efikasi sendiri, tidak asing lagi bagi penyelidik di luar negara tetapi masih dianggap baru dalam dunia pendidikan di negara kita. (Arshad, 2017). Efikasi sendiri berperanan sebagai satu kayu pengukur bagi menentukan kualiti sistem pendidikan, yang dilihat selari dengan penambahan beban tugas (Huang, C 2016). Perubahan dan transformasi ini sudah pasti perlu dihadapi oleh guru dengan persediaan mental dan fizikal yang tinggi sepertimana harapan yang diletakkan dalam kajian Wenzel & Battle, (2018); dan Hindman & Bustamante, (2019).

Dalam konteks kajian ini, pengkaji menjalankan kajian berdasarkan tiga elemen iaitu efikasi sendiri, beban tugas dan masalah kesihatan mental terhadap masalah kerjaya guru secara umum dan ditujukan khas kepada guru di kolej vokasional. Transformasi PTV telah terlaksana selama lapan tahun, kajian ini mendedahkan kesan

sebenarnya masa kini dari segi tahap efikasi sendiri, beban tugas dan masalah kesihatan mental serta mengkaji hubungan antara ketiga-tiga konstruk yang diuji.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan dan mempromosikan pembangunan negara. Transformasi PTV di Malaysia ke taraf pendidikan sedunia telah bermula sejak tahun 2013 (Alavi et al., 2012). Sempena perancangan transformasi PTV ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil inisiatif untuk menaik taraf PTV kepada kedudukan yang lebih tinggi supaya PTV tidak dianggap sebagai pendidikan kelas kedua lagi. Implikasi inisiatif ini telah berlaku penjenamaan semula terhadap semua Sekolah Menengah Vokasional (SMV) kepada Kolej Vokasional (KV) dengan tujuan untuk memperkasakan bidang PTV (Kamin, 2013).

Transformasi ini telah memperlihatkan berlaku perubahan dalam silibus pengajaran dengan pengurangan dalam komposisi akademik. Menurut Arshad dan Mustapha (2017) sebanyak 30 peratus komposisi akademik dikurangkan dan penambahan amali teknikal memenuhi 70 peratus telah dilakukan. Rentetan ini, perubahan jadual pembelajaran yang agak panjang juga berlaku dimana menurut kajian mereka, pelajar dan guru di kolej vokasional (KV) perlu memperuntukkan masa dari jam 8 pagi sehingga jam 5 petang setiap hari.

Sistem kurikulum di KV adalah berdasarkan kepada standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan atau NOSS (*National Organisation Standard Skill*) dan sistem persijilan yang mempunyai 5 tahap kemahiran (KPM, 2015). Manakala, menurut *Malaysian Qualification Agency* (MQA, 2016), guru KV perlu mempunyai Sijil Kemahiran Tahap 5 untuk mengajar pelajar Diploma Kolej Vokasional tahun 1 dan 2. Selain itu, sistem akreditasi yang berbeza bagi badan professional seperti MQA dan *Malaysian Board of Technologists* (MBOT) terhadap kurikulum di KV juga merupakan kesan-akibat kepada penambahan beban tugas dan masalah kesihatan mental bagi kalangan guru di KV. Menurut Shahin dan Naseer (2011) dan Furgeson, Frost dan Hall (2012), bebanan tugas guru kebanyakannya berpunca daripada penambahan beban tugas dan kerja kesan dari perubahan sistem dan kurikulum dalam sistem pendidikan.

Kajian Putri (2018) menyatakan perubahan yang pesat dalam kurikulum meningkatkan tekanan psikologi guru sekaligus telah menghalang efikasi sendiri guru KV. Manakala kajian Adams (2014) menyatakan masalah tekanan beban tugas guru KV telah meningkat yang menyebabkan tahap efikasi sendiri guru vokasional agak tercabar dalam menyahut ombak transformasi PTV ini. Kenyataan ini dikuatkan lagi dengan kenyataan Aziz & Hussin, (2017) yang mengatakan bahawa transformasi PTV yang pesat dari segi misi, visi, pengajaran dan pembelajaran kurikulum dan penilaian telah membawa tekanan psikologi guru terutamanya guru KV. Manakala, kajian Arshad (2017) juga membuktikan bahawa tahap beban tugas guru KV juga tinggi (skor min 3.73), walaupun efikasi sendiri berada pada tahap yang tinggi (skor min 3.81) dan kepuasan kerja mereka juga berada pada tahap yang sederhana sahaja (skor min 3.17).

Kesihatan mental guru juga adalah elemen penting untuk menempuhi segala tuntutan profesion. Ahli penyelidikan tempatan dahulu merasa agak sensitif dan berat hati untuk mengkaji tahap masalah kesihatan mental guru. Maka kajian berkenaan dengan psikiatri guru masa dahulu adalah hanya dijalankan oleh kesatuan perguruan atau institusi yang berkaitan. Antara contohnya kajian psikiatri guru yang terawal telah dibuat oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) pada 2005 mengenai kesihatan mental terhadap 9328 orang kakitangan perguruan di seluruh negara. Hasil dapatan kajian ini telah mendapati 69% responden menyatakan bahawa mereka, bekerja dalam keadaan yang diselubungi dengan masalah kesihatan mental (Guru Malaysia, Mac 2006). Manakala, maklumat statistik KPM (2013) menyatakan bahawa sepanjang 2013, terdapat 529 orang guru telah meletak jawatan secara pilihan sendiri atas masalah psikiatri (KPM, 2015). Kajian Radhi (2018) pula mendapati 4.4% daripada 48258 guru yang dikaji dilaporkan mempunyai masalah kesihatan mental dengan tahap tekanan kerja yang sederhana.

Hasil sorotan literasi yang dilakukan oleh pengkaji berkaitan dengan isu ini menunjukkan agak kurang penyelidikan tempatan yang menjalankan kajian yang menyeluruh tentang masalah kesihatan yang timbul ini, selagi cuma segelintir kecil penyelidikan yang menjalani kajian bagi kolej vokasional. Namun, kajian mereka lebih kepada masalah stress sahaja seperti kajian Kamarudin, (2012) yang mengkaji faktor yang mempengaruhi stress dalam kalangan guru di kolej vokasional, Ramlee (2015) mengkaji tahap stress dalam kolej vokasional di negeri Johor. Selain itu, Siraj & Ibrahim (2012) pula mengatakan pelbagai faktor menyebabkan tekanan guru seperti



kekangan masa dan sumber, kerenah pelajar, hubungan persekitaran kerja yang kurang memuaskan, hubungan interpersonal yang kurang baik, dan keadaan kerja.

Oleh kerana KV merupakan institusi peneraju dalam PTV, segala latar belakang masalah yang dinyatakan oleh pengkaji amat berkait rapat dengan tahap pencapaian prestasi keseluruhan PTV. Perubahan-perubahan ini telah memberi kesan secara tidak langsung terhadap efikasi sendiri di kalangan guru di KV ditambah pula dengan beban tugas guru semakin meningkat dan situasi ini dilihat agak membimbangkan berdasarkan tahap kesihatan mental guru semakin meningkat. (Othman & Sivasubramaniam, 2019; Newberry & Allsop, 2017). Situasi ini disokong oleh kajian Lemaire (2009), yang berpendapat bahawa penambahan beban yang diterima guru KV memberi tekanan yang boleh menyumbang kepada masalah kesihatan berkaitan emosi. Masalah ini disokong oleh laporan Universiti Hospital Malaya menyatakan bahawa bilangan guru yang mendapatkan rawatan psikiatri meningkat setiap tahun (PPUM 2013). Masalah beban tugas yang meningkat mencabar tahap efikasi sendiri guru menyebabkan masalah kesihatan mental dijangkakan akan turut menjejaskan profesionalisme guru, dan situasi ini perlu dikaji dengan peredaran masa.

### **1.3 Penyataan Masalah**

Profesion keguruan hari ini kian mencabar bukan setakat kerja hakiki malah ditambah dengan pelbagai tugas sampingan yang berbeza yang perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa. Ini sangat mencabar efikasi sendiri guru dan menjadi salah satu punca kepada kurangnya kualiti yang baik dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang merupakan tugas utama guru. Keadaan ini berlanjutan lagi dengan perubahan kurikulum dan sistem pengakretasian dari badan professional yang berbeza di KV menjadikan tugas guru makin bertambah yang memberi kesan kepada kesihatan mental dan efikasi sendiri guru tersebut. Selain itu, persekitaran kerja KV yang sedikit berbeza dengan institusi pendidikan akademik yang lain juga merupakan satu penyebab utama kepada keperluan kajian ini dilaksanakan. Penemuan data-data statistik yang begitu membimbangkan dengan masalah kesihatan mental guru yang agak ketara dalam kalangan guru dan juga kekurangan penyelidikan lepas tentang hal ini menguatkan lagi harapan pengkaji untuk meneroka dengan lebih lanjut perkara ini

terutamanya dalam mengetahui hubungkait antara efikasi sendiri, beban tugas dan masalah kesihatan mental, dalam konteks KV.

#### **1.4 Tujuan Kajian**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti persepsi guru KV terhadap efikasi sendiri dan beban tugas dan hubungannya dengan masalah kesihatan mental mereka dalam menghadapi gelombang transformasi pendidikan yang mencabar ini.

#### **1.5 Objektif Kajian**

Bagi memastikan tujuan kajian ini dapat dicapai, objektif kajian telah dikenal pasti seperti berikut:

- i. Mengkaji tahap efikasi sendiri, beban tugas dan masalah kesihatan mental dalam kalangan guru di kolej vokasional.
- ii. Menenal pasti hubungan antara efikasi sendiri dan masalah kesihatan mental dalam kalangan guru di kolej vokasional.
- iii. Menenal pasti hubungan antara beban tugas dan masalah kesihatan mental dalam kalangan guru di kolej vokasional.
- iv. Mencadangkan satu kerangka konsep kesihatan mental guru.

#### **1.6 Persoalan Kajian**

Bagi memastikan objektif kajian tercapai dan seterusnya memastikan perjalanan kajian terancang dan teratur, enam persoalan kajian telah dikenal pasti seperti berikut:

- i. Apakah tahap efikasi sendiri dalam kalangan guru di kolej vokasional?
- ii. Apakah tahap beban tugas yang dipikul dalam kalangan guru di kolej vokasional?
- iii. Apakah tahap masalah kesihatan mental guru dalam kalangan di kolej vokasional?
- iv. Adakah terdapat hubungan antara efikasi sendiri dan masalah kesihatan mental dalam kalangan guru di kolej vokasional?

- v. Adakah terdapat hubungan di antara beban tugas dan masalah kesihatan mental dalam kalangan guru di kolej vokasional?
- vi. Apakah bentuk kerangka konsep untuk kesihatan mental guru

### **1.7 Hipotesis Kajian**

Berikut merupakan hipotesis atau jangkaan yang dirangka sebelum kajian sebenar dijalankan bagi menjawab soalan kajian yang telah dikemukakan seperti berikut: -


- H1o Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi sendiri dan masalah kesihatan dalam kalangan guru kolej vokasional.
- H2o Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara beban tugas dan masalah kesihatan dalam kalangan guru di kolej vokasional.

### **1.8 Skop Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk melihat hubungan efikasi sendiri, beban tugas dan masalah kesihatan mental dalam kalangan guru di kolej vokasional. Kajian ini hanya meliputi guru di lapan buah kolej vokasional di sekitar Johor. Responden kajian terdiri daripada guru Kolej Vokasional (KV) Batu Pahat, KV Kluang, KV Muar, KV Perdagangan Johor Bahru, KV ERT Azizah, KV Tanjung Puteri, KV Segamat, dan KV Kota Tinggi. Mereka dipilih secara rawak sistematik.

### **1.9 Kerangka Konseptual Kajian**

Kerangka konseptual kajian merujuk pada satu set konsep yang berhubung dengan satu-satu fenomena yang dikaji dengan logik. (Sabitha, 2009). Menurut Lim (2007), kerangka konsep kajian melibatkan koleksi konsep yang menggabungkan konstruk kajian yang difikirkan mempunyai hubungan antara mereka yang ingin diselidik oleh pengkaji. Kerangka konseptual kajian ini adalah seperti dalam Rajah 1.1, menggambarkan konsep keseluruhan kajian ini.



Rajah 1.1: Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan Rajah 1.1, terdapat dua jenis konstruk iaitu konstruk bersandar dan tidak bersandar. Konstruk bersandar merujuk kepada konstruk yang melihat kepada perubahan dalam memberi kesan terhadap hasil kajian. Manakala, konstruk tidak bersandar pula ialah konstruk yang dapat mempengaruhi hasil kajian dalam menghasilkan tindakan. Dalam konteks kajian ini, konstruk bersandar ialah elemen masalah kesihatan mental manakala konstruk tidak bersandar pula ialah elemen efikasi sendiri dan elemen beban tugas.

Antara faktor efikasi sendiri yang dikaji ialah strategi pengajaran, pengurusan kuliah, penglibatan pelajar, membuat keputusan dan iklim di kolej vokasional. Manakala, terdapat tiga bidang utama dalam bebanan tugas yang dikaji iaitu pengendalian kurikulum, kokurikulum dan hal ehwal pelajar (HEM). Kesemua ini termasuk pelbagai urusan sampingan seperti pengurusan data, fail, buku rekod serta membuat dan mengemaskini pelbagai laporan. Manakala, faktor masalah kesihatan mental yang hendak dikaji ialah karenah pelajar, kekangan masa dan sumber, perubahan sistem serta hubungan interpersonal responden dari segi emosi, pemikiran dan perlakuan. Kerangka konsep ini digunakan sebagai garis panduan oleh penyelidik

untuk menerokai hubungan antara pembolehubah bebas iaitu efikasi sendiri dan beban tugas dengan masalah kesihatan mental berdasarkan persoalan dan permasalahan kajian sejajar dengan objektif kajian.

### **1.10 Kepentingan Kajian**

Memandangkan kajian ini dijalankan dalam kalangan guru KV terutamanya dalam skop efikasi sendiri, beban tugas, dan hubungannya dengan masalah kesihatan mental secara umum, penyelidik beranggapan dapatan ini amat bermakna kepada mereka yang berkepentingan seperti berikut:

#### **1.10.1 Guru Kolej Vokasional**

Bagi mempertingkatkan kewibawaan PTV yang berkualiti, guru vokasional perlu menjauhi diri dari masalah kesihatan mental, mereka seharusnya mampu berkerja dalam keadaan yang sihat. Walaupun dibebani dengan pelbagai masalah, seseorang guru KV seharusnya dapat meningkatkan efikasi yang lebih positif dan bertindak cerdas dalam sebarang tindakan, dan bukannya menyerah dan terbeban dengan masalah-masalah yang boleh mengundang risiko kepada masalah kesihatan mental yang teruk. Banyak solusi yang boleh dipraktikkan oleh guru-guru KV dengan membuat perbincangan secara terbuka dan telus dengan pihak pengurusan dalam menangani pemasalahan yang berlaku.

#### **1.10.2 Pihak Pengurusan Kolej Vokasional**

Penyelidik berharap dapatan daripada kajian ini juga membuka mata dalam kalangan pengurusan KV untuk bertindak pantas dalam menangani isu ini dan tidak perlu tunggu untuk masalah yang lebih buruk. Komunikasi dua hala antara pihak pengurusan dan para guru KV dapat dilakukan bagi memikirkan solusi terbaik. Komunikasi yang berkesan antara dua pihak memberi satu nilai tambah kepada efikasi yang lebih tinggi dalam kalangan pekerja yang sekaligus merasa setiap bebanan yang dipikul bukan sebagai satu masalah sebaliknya satu usaha dan misi yang perlu digalas bersama.

### **1.10.3 Kementerian Pendidikan Malaysia**

Dari sudut teoritikal, kajian ini memberi sumbangan kepada percambahan dan ilmu dalam perkembangan transformasi PTV dan kesannya kepada guru KV dalam konteks pengajaran bidang vokasional. Manakala, dari sudut praktikalnya, kajian ini dijalankan bagi mengesahkan status semasa tahap efikasi sendiri guru dalam menjalankan beban tugas yang semakin berat khususnya dalam kalangan guru vokasional di kolej vokasional. Efikasi sendiri merupakan ciri penting yang menentukan tahap keyakinan guru dalam melaksanakan pengajaran kurikulum vokasional dengan berkesan. Keperkasaaan daya efikasi sendiri guru vokasional adalah perlu, dengan bantuan dapatan kajian ini agar menjadi satu wawasan unggul bagi pihak Kementerian Pendidikan sebagai bahan rujukan untuk perancangan yang lebih berkesan pada masa akan datang.

Semoga kajian ini dapat membantu semua pihak dan organisasi pendidikan dan bahagian latihan kementerian PTV dalam menyediakan garis panduan untuk meningkatkan potensi kualiti pendidik dan prihatin kepada masalah guru/ pengajar kolej vokasional. Dengan ini, segenap lapisan pendidik dapat memperkasakan sistem dan kurikulum serta melaksanakannya selari dengan kehendak organisasi dan negara.

## **1.11 Definisi Istilah dan Operasional**

Definisi istilah berhubung dengan istilah-istilah yang spesifik yang berkaitan dengan kajian yang hendak dijalankan. Ini bertujuan bagi mengelakkan pembaca dari memahami sesuatu kajian dari persepsi yang berbeza. Kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa istilah dan operasional yang relevan seperti yang dihuraikan di bawah:

### **1.11.1 Efikasi Kendiri**

Huang (2016) menyatakan efikasi sendiri adalah hasil interaksi antara lingkungan luaran, mekanisme penyesuaian diri serta kemampuan personal, pengalaman dan pendidikan. Manakala, menurut Bandura (1989) efikasi sendiri bukan merujuk kepada

kemahiran individu tetapi pertimbangan seseorang mengenai sesuatu yang boleh dilakukan dengan kemahiran yang dimilikinya

Dalam konteks kajian ini, efikasi sendiri melibatkan persepsi sendiri atau jangkaan kepercayaan guru terhadap keupayaan diri mereka untuk melaksanakan pengajaran pendidikan vokasional bagi menghasilkan pencapaian kepada pelajar. Efikasi sendiri guru vokasional dalam konteks kajian ini diukur berdasarkan lima dimensi utama iaitu strategi pengajaran, pengurusan bengkel, penglibatan pelajar, membuat keputusan dan iklim di tempat kerja merujuk instrumen *Teacher Sense of Efficacy* oleh Tschannen-Moran dan Hoy (2001).

### **1.11.2 Beban Tugas**

Beban tugas adalah tanggungan kerja luar jangkaan yang mesti dilaksanakan dalam jangka masa dan tempoh tertentu. Menurut Siti, (2017), beban kerja guru masa kini berbeza dengan masa dahulu. Jumlah waktu bertugas guru adalah lebih panjang tidak termasuk tugas sampingan di hujung minggu. Kerja-kerja dokumentasi yang perlu diselesaikan juga semakin bertambah. Di samping itu, perkakasan keperluan guru untuk mengajar juga perlu disediakan oleh guru sendiri.

Beban tugas guru kolej vokasional juga merangkumi tanggungan kerja luar jangkaan yang diberikan oleh pengurusan induk serta pengurusan lapisan yang berkaitan yang mesti dilaksanakan dalam tempoh tertentu. (Othman & Sivasubramaniam, 2019). Dalam konteks kajian ini, istilah beban tugas guru kolej vokasional merujuk kepada tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh guru KV di dalam bilik darjah atau pun di luar bilik darjah untuk menyelesaikan segala tugas kerja kolej vokasional. Beban tugas guru KV juga bermaksud kelebihan peruntukan masa yang diperlukan oleh seorang guru untuk menyelesaikan tugas-tugas berbentuk akademik dan bukan akademik dalam tiga bidang kerja iaitu kurikulum, hal ehwal murid dan ko-kurikulum. Beban tugas ini boleh diukur dengan melihat jumlah masa yang diperuntukkan bagi menyelesaikannya.

### 1.11.3 Masalah Kesihatan Mental

Mengikut *World Health Organization* (WHO, 2015), kesihatan mental adalah kebolehan seseorang mengekalkan hubungan yang harmoni dengan orang lain, kebolehan mengambil bahagian dalam aktiviti kemasyarakatan dan kebolehan untuk menyumbang kepada masyarakat. Manakala, mengikut Kementerian Kesihatan Malaysia, masalah kesihatan mental, pada dasarnya adalah ketidakmampuan seseorang individu, kumpulan dan persekitaran untuk berinteraksi dengan individu lain, dengan menggunakan pemikiran, perasaan dan keupayaan berkomunikasi bagi mencapai kesejahteraan hidup yang saksama.

Dari sudut konteks kajian ini, masalah kesihatan mental guru merujuk kepada psikologi negatif meliputi aspek kognitif dan emosi yang memberi kesan terhadap prestasi kerja individu dan organisasi. Tahap masalah kesihatan mental guru yang tinggi membawa erti guru kurang mempunyai kesejahteraan psikologi dan kurang mampu melakukan tugas dalam tahap emosi dan pelarasan tingkah laku yang memuaskan.

### 1.12 Rumusan Bab

Secara keseluruhannya, bab ini menerangkan serba sedikit mengenai isu terkini yang dihadapi oleh guru di kolej vokasional secara umum yang dapat memberi gambaran yang jelas terhadap kepentingan kajian ini untuk dilaksanakan. Selain itu, bab ini juga menghuraikan tentang latar belakang kajian, membentangkan masalah serta tujuan kajian, mengenal pasti objektif dan persoalan kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan definisi beberapa istilah bagi konstruk penting yang terdapat dalam konteks kajian ini.



## RUJUKAN

- Abdul Majid, F. (2011). Perspektif Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. *Journal of US-China Education Review*, Vol.8, No.10, 2011. ISSN1548-6613
- Abdul Rashid, A. (2010). The Development of Working Design through Characterized Technology Pedagogy and Content Knowledge in the Elementary Schools. *Instructional Procedia: Social and Behavioral Sciences. 13th International Educational Technology Conference*, 103 (November 26).
- Abdul Samad, N., Tuan Ahmad, T. A., Ismail, A., Amiruddin, M. H., & Mohd Nur, S. N. F. (2017). Kerangka Pembelajaran Berasaskan Proses Kerja Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) Diploma Vokasional Malaysia. *Online Journal for TVET Practitioners*, 2, 2 (September, 2017).
- Abdul Rahman, A. (2008). *Sikap Pensyarah Terhadap Penggunaan Blackboard Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di UTHM*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Abu Hasan, N. (2017). *Hubungan antara efikasi sendiri, Estim Kendiri dan Pengalaman Mengajar dengan Tekanan Kerja Pensyarah Kolej Vokasional*. University Putra. Tesis Sarjana.
- Abu, B., & Aziz. M. (2013). *Stres dalam kalangan guru di 2 buah sekolah menengah kebangsaan di kawasan Skudai*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis.
- Adams, E. (2014). A proposed causal model of vocational teacher stress. *Journal of Vocational Education and Training*, 53(2), 223-246.
- Aelterman, A. et al. (2007), "The well-being of teachers in Flanders: the importance of a supportive school culture", *Educational Studies*, Vol. 33/3, pp. 285-297.
- Alavi, K., Md Sail, R., & Awang, A. H. (2012). Work Esteem And Re Branding Of Technical Education And Vocational Training From The Perspective Of Parents, Teachers And Apntiprece. *Journal of Technical Education ad Training*,3(2).
- Amin, M. (2016). *Pemikiran dan Reka Bentuk Semula Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Ann Bainbridge Frymier & Marian L. Houser (2000) Teacher-student relationship as an interpersonal relationship. *Communication Education*, 49:3, 207-219, DOI: 10.1080/03634520009379209
- Alberta Teachers' Association (2011). *The Courage to Choose: Emerging Trends and Strategic Possibilities for Informed Transformation in Alberta Schools: 2010–2011*. Edmonton: Alta.
- Aldrup, K., Klusmann, U., & Lüdtke, O. (2017). Does basic need satisfaction mediate the link between stress exposure and well-being? A diary study among beginning teachers. *Learning and Instruction*, 50, 21–30.
- Ambotang, A. S., Pilus, N. Andin C. @ Abdullah, Nur Qistina (2014). Hubungan karenah pelajar dan beban tugas dengan tahap efikasi sendiri sendiri guru di sekolah menengah. *Journal of Social Science and Humanities*. Universiti Malaysia Sabah, 20, 103-124.
- Anastasiou, S., & Papakonstantinou, G. (2014). Factors affecting job satisfaction, stress and work performance of secondary education teachers in Epirus, NW Greece. *International Journal of Management in Education*, 8(1): 36–53. Doi:10.1504/IJMIE.2014.058750
- Angerer, J. M. (2003). Job burnout. *Journal of Employment Counseling*, 40,98-107. Retrieved from <http://search.proquest.com/openview/c35>
- Ariffin, A., Nordin, N. F. N., Hamzah, N., Zakaria, N., & Rubani, S. N. K. (2021). Hubungan Antara Sikap Pelajar dengan Tahap Tekanan Guru Program Pendidikan Inklusif dalam Pendidikan Teknikal dan Vokasional. *Online Journal for TVET Practitioners*, 6(1), 7-14. Retrieved from <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/view/6178>
- Arshad, Z. & Mustapha., (2017). *Hubungan Antara Beban Tugas Dengan efikasi sendiri dan Kepuasan Kerja Pensyarah di Kolej Vokasional*. 9 :1-5 (2017) 35-43
- Ashton, P.T., Webb, R.B., & Doda, N. (1983). *A Study of Teachers' Sense of Efficacy*. (Final Report to the National Institute of Education, Executive Summary). Gainesville: University of Florida
- Aziz, K. A., & Hussin, F. (2017). Pengaruh iklim organisasi terhadap kepuasan kerja guru di Sekolah Menengah dalam Daerah Kuala Terengganu. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1), 49-58.

- Azizi Yahaya, Jamaludin Ramli, & Mazeni Ismail (2010). *Stres Dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah Di Empat Buah Negeri Di Malaysia*. Penerbit: Jabatan Asas Pendidikan. UTM, Skudai Johor
- Azreen Harina Azman et al (2016). Impak Beban Kerja Terhadap Prestasi Kerja Pensyarah: Kes Kajian Di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (Psmza). Volume 5 Issue 1 2016 *e-Academia Journal UiTMT*
- Avci & Ahmet (2017) "Psychological Needs as the Predictor of Teachers' Perceived Stress Levels." *Journal of Education and Training Studies*, vol. 5, no. 4, pp. 154-164
- Bandura, A., (1997). Self-Efficacy: Towards a Unifying Theory of Behavioral Change. *Psychological Review*, 84(2): 191-215.
- Bandura, A., (1986). Social foundations of thought and action. *A social cognitive theory*. pp: 117-148.
- Bandura, A., (1993). *Perceived self-efficacy in cognitive development and functioning*, pp: 117 -148.
- Benight, C.C., Albert Bandura, (2004}. Social cognitive theory of posttraumatic recovery: the role of perceived self-efficacy. *Behaviour Research & Therapy*, 42: 1129-1148.
